



Rujukan Kami : JPSB/KUDR/TASL/01/26

Rujukan Tuan :

Tarikh : 10hb Ogos 2026

KORIDOR UTILITI DARUL RIDZUAN SDN. BHD.

B-G-11, Greentown Suria,
Jalan Dato Seri Ahmad Said,
30450, Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.

U/P : Pegawai Koridor Negeri

Tuan,

PER :

MEMBINA, MENYIAPKAN DAN MENTAULIAH SEBUAH TANGKI AIR TERNAIK BERKAPASITI 2.27 JUTA LITER TERMASUK KERJA-KERJA BERKAITAN DI SIMPANG LIMA, MUKIM PARIT BUNTAR, DAERAH KERIAN, PERAK DARUL RIDZUAN.

-Serahan Dokumen Lengkap Bagi Permohonan Izin Lalu

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Pihak Lembaga Air Perak (LAP) telah melantik kami, Jurutera Perunding SB Sdn. Bhd. sebagai perunding untuk Membina, Menyiapkan dan Mentauliah Sebuah Tangki Air Ternaik Berkapasiti 2.27 Juta Liter Termasuk Kerja-Kerja Berkaitan di Simpang Lima, Mukim Parit Buntar, Daerah Kerian, Perak Darul Ridzuan.

3. Bersama-sama ini kami sertakan dokumen-dokumen/lampiran berkaitan untuk rujukan dan kelulusan pihak tuan:-

- i. Borang Kelulusan Izin Lalu (BKIL)
- ii. Lukisan Tapak (Pelan Skematik)
- iii. Pelan Penandaan Lokasi
- iv. Gambar Lokasi

4. Mohon pihak tuan mengaturkan satu tarikh lawatan tapak bersama bagi menentukan serta meluluskan cadangan laluan yang dinyatakan seperti di atas.

5. Sebarang pertanyaan atau kemusykilan berhubung perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi pegawai kami Muhamad Rafiuddin bin Azman di talian 013-2744909 dan pada emel project.jpsb@gmail.com untuk keterangan lanjut.

6. Perhatian serta kerjasama pihak tuan amat dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian, Terima Kasih.

Yang Benar,
JURUTERA PERUNDING SB SDN BHD


IR. SULIMAN BIN BAKAR
Pengarah Urusan



s.k.

1. Timbalan Pengurus Besar (Pembangunan), LAP
2. Pengurus Wilayah, LAP Wilayah Barat